



SMK PERMAS JAYA 3
PASIR GUDANG,
JOHOR

PENTAKSIRAN PERTENGAHAN TAHUN TINGKATAN 1

UJIAN BERTULIS
JULAI 2021

2 Jam

NAMA : TINGKATAN : 1

23

GEOGRAFI

ARAHAN KEPADA CALON:

1. Kertas ini hanya boleh dibuka apabila diberitahu.
2. Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.
3. Tulis nama dan kelas. Jawab **semua** soalan.
4. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.
5. Kertas soalan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas pentaksiran pada akhir pentaksiran.

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA			
NAMA PEMERIKSA:			
BAHAGIAN	SOALAN	MARKAH PENUH	MARKAH DIPEROLEH
A	1 - 20	20	
B	1	5	
	2	4	
	3	4	
	4	6	
	5	5	
	6	3	
	7	10	
	8	3	
JUMLAH			

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

(En. Mohd Hilmi Ikhwan
Zanuddin)
Guru Mata Pelajaran
SMK Permas Jaya 3

(Pn. Normadiyah bt Kasdi)
GKMP Sains Kemasyarakatan
SMK Permas Jaya

(Pn. Siti Nora Binti Yusofe)
PK Kokurikulum
SMK Permas Jaya 3

SULIT


BAHAGIAN A

(20 Markah)

Jawab semua soalan dalam ruang jawapan yang disediakan di bahagian akhir soalan.

1. Selain kompas, arah mata angin juga dapat ditentukan dengan berpandukan

A. Aliran sungai
B. Tiupan angin
C. Pergerakan awan
D. Kedudukan matahari



2. Apakah kedudukan L?

A. 36°S 23°T
B. 59°U 23°T
C. 36°S 9°B
D. 59°U 33°B

3. Garisan yang membahagikan bumi kepada hemisfera utara dan hemisfera selatan ialah

A. Garisan Artik
B. Garisan Jadi
C. Garisan Khatulistiwa
D. Garisan Sartan

4. Kombinasi manakah yang betul tentang pandang darat pada peta topografi?


	Pandang Darat Fizikal	Pandang Darat Budaya
I	Hutan	Gunung
II	Jalan raya	Kelapa sawit
III	Bukit	Sawah padi
IV	Paya bakau	Jambatan

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

5. Antara yang berikut, yang manakah ciri-ciri bagi sebuah peta lakar

A. Bentuk
B. Warna
C. Petunjuk
D. Tulisan

6. Di antara simbol berikut, manakah dikategorikan sebagai simbol garisan?



7. Negeri yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia ialah

A. Johor
B. Kedah
C. Melaka
D. Terengganu


8. Kombinasi manakah benar tentang negeri dan ibu negerinya?

	Negeri	Ibu negeri
A.	Perak	Georgetown
B.	Perlis	Alor Setar
C.	Pahang	Kuantan
D.	Selangor	Kuala Lumpur

9. Di manakah letaknya pusat pentadbiran kerajaan persekutuan


A. Putrajaya
B. Cyberjaya
C. Petaling Jaya
D. Subang Jaya

10. Antara berikut, yang manakah mewakili lapisan mantel?



A. P B. Q C. R D. S

11. Lautan yang terbesar di dunia ialah
 A. Lautan Artik
 B. Lautan Atlantik
 C. Lautan Hindi
 D. Lautan Pasifik



Peta Dunia


12. Benua berlorek mewakili benua
 A. Asia
 B. Eropah
 C. Afrika
 D. Amerika selatan

13. Tanah Tinggi Cameron merupakan kawasan pelancongan yang terletak di
 A. Banjaran Tahan
 B. Banjaran Crocker
 C. Banjaran Titiwangsa
 D. Banjaran Tama Abu


14. Kombinasi manakah benar tentang banjaran dan kemuncaknya?

	Banjaran	Kemuncak
A.	Tama Abu	Gunung Mulu
B.	Titiwangsa	Gunung Tahan
C.	Keledang	Gunung Korbu
D.	Crocker	Gunung Kinabalu

15. Apakah ciri sistem gunung lipat tua?
 I Banjaran-banjarannya tinggi
 II Kawasan yang stabil
 III Terbentuk 30-50 juta tahun dulu
 IV Bermula dari Dataran Tinggi Yunnan
- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV



16. Antara berikut, yang manakah mewakili tebing tinggi?
 A. I B. III C. II D. IV



17. Bentuk muka bumi di atas terdapat di peringkat sungai
 A. Hulu
 B. Puncak
 C. Tengah
 D. Hilir

18. Apakah tasik semula jadi yang terdapat di Malaysia?
 A. Tasik Kenyir
 B. Tasik Chini
 C. Tasik Temenggor
 D. Tasik Taiping


19. Manakah benar tentang sungai-sungai di Malaysia?
 A. Mengalir dari utara ke selatan
 B. Sumber protein utama penduduk
 C. Pendek dan deras serta berliku-liku
 D. Membentuk delta yang sempit di muara sungai

20. Sungai di Semenanjung Malaysia berfungsi sebagai
 I kawasan perikanan
 II jalan pengangkutan utama
 III menghanyutkan kayu balak
 IV membekalkan bekalan air domestik
- A. I dan II
 B. I dan IV
 C. II dan III
 D. III dan IV

BAHAGIAN B
(40 Markah)
Jawab semua soalan.

1. Berdasarkan peta lakar di bawah, jawab soalan berikut.

(5 Markah)




- Sungai Jengka mengalir ke arah _____.
- Nyatakan 2 ciri pandang darat budaya yang terdapat di dalam peta lakar ;
 - _____
 - _____
- Arah Kg .Nerek dari Kg. Jengka ialah _____.
- Arah Kg. Jengka dari Kg. Chenor ialah _____.

2. Namakan garisan-garisan berikut.


(4 markah)

- V : _____
- W : _____
- Y : _____
- Z : _____




3. Berdasarkan rajah di atas, namakan struktur bumi yang bertanda P, Q, R dan S. (4 markah)

- a) P : _____
 b) Q : _____
 c) R : _____
 d) S : _____




4. Nyatakan kedudukan bandar berikut berdasarkan latitud dan longitud. (6 markah)




	BANDAR	KEDUDUKAN
a)	R	
b)	S	
c)	X	

5. Nyatakan ciri-ciri peta lakar di bawah. (5 markah)



6. Namakan **Ibu Negeri** bagi negeri-negeri yang ditandakan X, Y dan Z. (3 markah)



7. Isi tempat kosong di bawah ini dengan pilihan jawapan yang disediakan. (10 markah)

Pulau	Sungai Bernam	Putrajaya
jangka sudut	arah	Sungai Golok
Banjaran Titiwangsa	Tanah tinggi	pelancongan
Banjaran Tahan	Perlis	Atmosfera

- Kompas digunakan untuk menentukan_____.
 - Bearing sudutan dapat ditentukan dengan menggunakan_____.
 - _____ialah negeri terkecil di Malaysia.
 - Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Malaysia ialah_____.
 - _____merujuk kepada kawasan ketinggian melebihi 180 meter dari aras laut.
 - _____menjadi sempadan antara negeri Selangor dan Perak.
 - Banjaran yang merupakan ‘ tulang belakang’ Semenanjung Malaysia ialah_____.
 - Sistem fizikal bumi dibahagikan kepada 4 iaitu Litosfera, Hidrosfera, Biosfera dan_____.
 - Kawasan tanah tinggi mempunyai pemandangan yang menarik dan suhu yang nyamansangat sesuai untuk_____.
 - _____ialah daratan yang dikelilingi oleh laut.
8. Namakan **tiga** wilayah persekutuan bagi Malaysia. (3 markah)
- _____
 - _____
 - _____